

TARIKH : 9/1/2023  
SURAT KHABAR : kosmo  
MUKA SURAT : 6

# Kerajaan digesa atasi isu pekerja asing sektor perladangan

**KUANTAN** – Alumni Majlis Belia Felda Malaysia (AMBFM) menggesa agar kerajaan melalui pihak berkaitan segera mengatasi ‘isu lapuk’ membawa masuk pekerja asing dalam sektor perladangan di negara ini.

Presidennya, Datuk Abdullah Abu Bakar berkata, isu itu masih tidak selesai sejak beberapa tahun lalu meskipun beberapa menteri mengeluarkan kenyataan masalah akan selesai dalam tempoh tertentu.

Katanya, peneroka Felda telah menyuarakan masalah mereka berulang kali di pelbagai medium, tetapi masalah kekurangan buruh masih tidak selesai.

“Bagi memastikan kelancaran proses kemasukan buruh asing, pihak berkaitan perlu permudahkan prosedur tanpa kerentahan birokrasi,” katanya di sini semalam.

Abdullah berharap, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri An-



**PENGAMBILAN buruh asing memberi kelegaan kepada sektor perladangan di negara ini.** – GAMBAR HIASAN

war Ibrahim baru-baru ini yang meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) memberi perhatian khusus membawa masuk pekerja asing dalam tiga sektor teras ekonomi negara termasuk perladangan disegerakan.

Katanya, dalam hal ini, kementerian terbabit perlu memastikan tidak ada broker persendirian atau ejen tidak berdaftar yang mengambil kesempatan membawa masuk buruh asing yang boleh menimbulkan pelbagai persepsi.